

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 DISEMBER 2015 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Sektor ICT berjaya harungi cabaran, catat pertumbuhan pada 2015	BERNAMA
2.	Angin Timur Laut hingga Januari	Harian Metro
3.	Gempa bumi kuat di Sempadan Afganistan dan Tajikistan	BERNAMA



Sektor ICT Berjaya Harungi Cabaran, Catat Pertumbuhan Pada 2015

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Meskipun pelbagai cabaran yang dihadapi ekonomi Malaysia, sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kekal kukuh pada 2015 kerana masih berjaya mencatatkan pertumbuhan dua angka dalam perbelanjaan walaupun kurang daripada unjuran.

Industri berkenaan dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 14.2 peratus kepada RM70.9 bilion pada 2015 berbanding RM62.1 bilion atau pertumbuhan 12.5 peratus pada 2014.

Pencapaian berkenaan didorong terutamanya oleh peningkatan penggunaan peranti mudah alih, media sosial, penyelesaian awan, e-dagang dan Big Data Analytics (BDA), yang memacu pertumbuhan Internet of Things (IoT), kata Pengerusi Persatuan ICT Kebangsaan Malaysia (PIKOM) Chin Chee Seong.

"Kami menjangkakan trend ini akan berterusan pada 2016, kerana pembentukan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) berkemungkinan akan menyediakan pasaran yang lebih besar untuk industri ICT," katanya kepada Bernama.

Namun, industri ini tidak terkecuali daripada kesan kesuraman ekonomi global, sebagaimana dilihat dalam penyusutan kira-kira 30 peratus dalam jumlah peruncit ICT tahun ini berikutan kejatuhan nilai mata wang tempatan.

Walaupun pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April, 2015 telah membantu mengurangkan kesan kerana GST disalurkan kepada pelanggan, ia tidak dapat menampung kerugian, sehingga menyebabkan beberapa syarikat menutup perniagaan.

"Ini terbukti apabila jumlah keanggotaan PIKOM berkurangan kepada 800 daripada 1,500 anggota, sebelum ini.

"Kos sara hidup dan menjalankan perniagaan telah meningkat dan peruncit, terutamanya yang lebih kecil menghadapi pelbagai cabaran, termasuk peningkatan e-dagang," kata Chin.

Bagaimanapun, beliau berkata sektor ICT masih dijangka dapat mencatatkan pertumbuhan antara RM79 bilion hingga RM81 bilion atau kira-kira 12 hingga 14 peratus tahun depan, disumbangkan terutamanya melalui e-dagang dan BDA.

Selaras dengan ulangtahun ke-30 PIKOM pada 2016, Chin berkata pameran tahunan PIKOM juga akan memperkenalkan unsur-unsur baru untuk kekal relevan dengan pelanggan walaupun peralihan keutamaan kepada e-dagang.

Malah, pada tahun ini terdapat juga beberapa inisiatif digital oleh kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat berpendapatan rendah.

Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), agensi peneraju bagi Digital Malaysia, memperkenalkan Program 'eRezeki' kebangsaan untuk individu terutamanya dalam kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40), untuk mendaftar sebagai pekerja digital.

eRezeki merupakan persekitaran dalam talian yang selamat dan boleh dipercayai bagi rakyat Malaysia meraih pendapatan tambahan, setelah mereka boleh melakukan tugas-tugas berasaskan digital mudah, dilatih oleh 'Siberguru' di pusat eRezeki bersama-sama dengan wakil-wakil eRezeki yang menyediakan sambungan ICT.

Baru-baru ini ia melantik Universiti Tenaga Nasional (Uniten) untuk membantu pelajar mencari pekerjaan, di samping membantu mereka memanfaatkan kemahiran dalam bidang pengajian yang berbeza untuk menjana pendapatan sampingan melalui internet.

Dalam Bajet 2016, kerajaan memperuntukkan RM100 juta bagi program e-Rezeki dan eUsahawan di bawah agenda negara untuk Digital Malaysia.

MDeC, yang menyelia pembangunan MSC Malaysia, turut menyaksikan peningkatan 40 peratus dalam penyertaan berbanding 2014 kepada 400 e-Tailer tahun ini dalam inisiatif #MYCyberSALE untuk memperkasa perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui platform e-dagang.

Acara tahunan itu, yang kini masuk tahun kedua, mencatatkan jualan produk dan perkhidmatan sebanyak RM115 juta, hampir berganda angka tahun lepas sebanyak RM67.38 juta.

Dalam perkembangan sama bagi perisian ICT, **Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MIMOS Bhd Datuk Abdul Wahab Abdullah** berkata peserta industri tempatan perlu memberi tumpuan kepada usaha membangunkan penyelesaian aplikasi dan perisian dalam negara, untuk menjadi lebih kos efisien.

"Ini kerana nisbah margin sumbangan perniagaan perkakasan adalah lebih rendah kerana ia bergantung kepada jumlah jualan, manakala perniagaan perisian mampu menjana pendapatan lebih lumayan dari segi nilai," kata Abdul Wahab.

Beliau berkata langkah itu akan mengurangkan pergantungan terhadap produk IT buatan luar dan membolehkan perniagaan bebas memasarkan produk mereka di peringkat global.

"Sebagai contoh, Microsoft Malaysia tidak boleh memasarkan perisian sistem operasi di tempat lain kerana ia dikhususkan dan setiap negara mempunyai pengedar sendiri yang dilantik Microsoft," kata Abdul Wahab.

Sebagai agensi penyelidikan dan pembangunan di **bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**, **Abdul Wahab berkata MIMOS** dapat memudahkan peserta tempatan membangunkan produk IT mereka sendiri dengan yuran komitmen serendah RM20,000.

Sehingga kini, 65 syarikat tempatan yang dikenali sebagai 'penerima teknologi' telah menerima pakai teknologi yang dibangunkan oleh MIMOS.

Dalam perkembangan berkaitan, pelaburan dalam penyelesaian dan perkhidmatan oleh perniagaan untuk mempertahankan malware, ancaman berterusan maju, serangan yang disasarkan atau 'distributed denial of service' (DDoS) dijangka meningkat dengan ketara pada 2016.

CEO CyberSecurity Malaysia Dr Amirudin Abdul Wahab berkata penggunaan peranti mudah alih, penyebaran IoT dan penumpuan teknologi operasi dengan ICT akan membolehkan penyerang memberi kesan yang lebih besar.

"Pengintipan siber juga akan meningkat memandangkan pasaran gelap untuk kod malware dan perkhidmatan penggodaman akan membolehkan malware pengintipan siber digunakan bagi pengumpulan risikan kewangan dan manipulasi pasaran yang memihak kepada penyerang," kata Amirudin.

Tahun ini sahaja, katanya, beberapa laman web Malaysia digodam termasuk Malaysia Airlines oleh 'Lizard Squad', Google Malaysia oleh penggodam Bangladesh dan 'AnonGhost' yang mengambil alih akaun Facebook dan Twitter Polis Diraja Malaysia.

Ancaman daripada media sosial juga ditemui apabila polis mendapati lebih daripada 500 akaun Facebook, milik rakyat Malaysia, dikaitkan dengan militan IS.

"Setakat 31 Oktober 2015, sebanyak 8,803 insiden dilaporkan kepada CyberSecurity Malaysia dengan lima insiden siber utama di Malaysia iaitu spam, penipuan, pencerobohan, berniat jahat dan gangguan siber," katanya.

Sebanyak 10,732 insiden siber telah dilaporkan pada 2014, berbanding 10,636 pada 2013 dan 9,986 pada 2012.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 27 DISEMBER 2015 (AHAD)

Kuala Lumpur

Angin Timur Laut hingga Januari

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menjangkakan Angin Timur Laut akan terus bertiup di rantau negara ini dan menyebabkan berlakunya hujan di satu atau dua tempat sehingga 1 Januari nanti.

Menurut ramalan dikeluarkan semalam, hujan dijangka berlaku pada waktu pagi di negeri Pantai Timur Semenanjung dan kawasan pantai Sarawak.

Manakala pada waktu petang dan senja pula, hujan dan ribut petir dijangka berlaku di kebanyakan tempat di negeri

Pantai Barat Semenanjung.

Selain itu, hujan dan ribut petir di beberapa tempat juga dijangka berlaku di negeri Pantai Timur Semenanjung dan semua bahagian di Sarawak sementara cuaca dijangka baik di kebanyakan kawasan di Sabah.

MetMalaysia semalam, turut mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora (kategori pertama) dengan kelajuan angin sekitar 40 hingga 50 kilometer sejam (km/j) dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 27 DISEMBER 2015 (AHAD)



Gempa Bumi Kuat Di Sempadan Afghanistan Dan Tajikistan

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.5 pada skala Richter melanda kawasan sempadan Afghanistan dan Tajikistan pada 3.14 pagi ini, menurut **Jabatan Meteorologi Malaysia.**

Menurut kenyataan jabatan itu hari ini, gempa bumi itu berpusat di 153 kilometer (km) tenggara dari Taloqan, Afghanistan dan 4,438 km barat laut dari Padang Besar, Perlis.

Gempa bumi tidak membawa ancaman Tsunami, menurut jabatan itu.

-- BERNAMA